



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**  
**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**1. Adakah premis pejabat MOSTI masih boleh dikunjungi?**

Kementerian ini beroperasi dengan menghadkan bilangan pegawai yang hadir bertugas berdasarkan arahan Ketua Setiausaha Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pelawat yang ingin berurusan dengan Kementerian digalakkan untuk menghubungi pegawai melalui e-mel dan talian telefon untuk mendapatkan perkhidmatan atau menghubungi talian **Bilik Operasi** Kementerian di talian **03-8885 8721 / 8782** atau emel kepada [covid19@mosti.gov.my](mailto:covid19@mosti.gov.my) yang beroperasi **dari jam 8.00 pagi hingga 12.00** tengah malam.

Manakala talian *hotline* berikut disediakan bagi membantu pelanggan untuk mendapatkan bantuan bagi perkhidmatan Kementerian:

- (i) 03 - 8885 8892 (Urusan Kewangan)
- (ii) 03 - 8885 8631/8134 (Urusan Sumber Manusia)
- (iii) 03 - 8885 8314 (Urusan Dana)
- (iv) 03 - 8885 8665/8669 (Urusan R&D dan RMNK)
- (v) 03 - 8885 8253 (Urusan MCY)
- (vi) 03 - 8893 4303 (Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF))
- (vii) 1800-888-828 (Pendaftaran Vaksin COVID-19)

Sebarang soalan berkaitan program / aktiviti kementerian juga boleh dipanjangkan melalui e-mel [covid19@mosti.gov.my](mailto:covid19@mosti.gov.my)

**2. Adakah inouis tuntutan yang dikemukakan oleh pembekal bagi perkhidmatan yang telah disempurnakan akan diproses dalam PKP?**

Tuntutan bayaran bagi pembekalan / perkhidmatan / kerja yang telah disempurnakan dan lengkap inouisnya serta dikemukakan kepada Kementerian sebelum / semasa tempoh PKP, pembayaran boleh dibuat selaras dengan syarat kontrak.

**3. Adakah mesyuarat Lembaga Perolehan dan Jawatankuasa Sebutharga (JKSH) bersidang dalam tempoh PKP?**

Ya, Mesyuarat Lembaga Perolehan dan Jawatankuasa Sebutharga telah dijadualkan dan akan bersidang dalam tempoh PKP.

**4. Adakah tender / sebut harga diiklankan / dipelawa dalam tempoh PKP?**

Tertakluk kepada peraturan yang berkuatkuasa, tender / sebut harga akan diiklankan / dipelawa dalam tempoh PKP.

**5. Adakah premis di bawah MOSTI yang dibuka kepada orang awam masih boleh dikunjungi?**

Ibu Pejabat dan semua Jabatan / Agensi di bawah MOSTI seperti Pusat Sains Negara (PSN) dan Planetarium Negara beroperasi namun tidak boleh dikunjungi oleh orang awam.

**6. Bagaimanakah pemegang lesen dan orang awam boleh mendapatkan perkhidmatan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) dalam tempoh PKP ini?**

Pemegang lesen dan orang awam masih boleh menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh AELB melalui Sistem eLesen eSPP di atas talian ataupun melalui e-mel. Sebarang permasalahan boleh hubungi *Person In Charge* (PIC) seperti berikut:

**Ibu Pejabat AELB**

**Bahagian Penilaian dan Perlesenan**

- a. Encik Fedrick Charlie Matthew Brayon – [fedrick@aelb.gov.my](mailto:fedrick@aelb.gov.my)
- b. Encik Muhammad Hassyakirin Hasim – [kirinhasim@aelb.gov.my](mailto:kirinhasim@aelb.gov.my)
- c. Encik Muhammad Redza Fahmi Rosdi – [redza@aelb.gov.my](mailto:redza@aelb.gov.my)

**Bahagian Kawalselia Sinaran**

- a. Dr. Suhana Jalil – [suhana@aelb.gov.my](mailto:suhana@aelb.gov.my)
- b. Encik Mohd Hazmin Safiyudin Abdullah – [hazmin@aelb.gov.my](mailto:hazmin@aelb.gov.my)

**7. Adakah kakitangan MOSTI dibenarkan hadir ke pejabat?**

- a) Sepanjang tempoh PKP ini, hanya **kakitangan MOSTI yang perlu hadir dan mendapat kelulusan KSU sahaja dibenarkan hadir ke pejabat dengan maksimum 15% kehadiran;**
- b) **Manakala bagi Jabatan/Agensi MOSTI yang berada di negeri-negeri dalam Fasa II Pelan Pemulihan Negara, kehadiran ke pejabat adalah sebanyak 40% dan BDR sebanyak 60%** berdasarkan kepada Kenyataan Media Ketua Setiausaha Negara bertarikh 4 Julai 2021;
- c) Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) wajib dilaksanakan mengikut keperluan sebagaimana Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 2 Mei 2020 serta Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020 : Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR); dan
- d) Sekiranya perlu hadir ke pejabat, kebenaran perlu diperolehi daripada Ketua Setiausaha Kementerian di peringkat Ibu Pejabat MOSTI atau Ketua Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif di peringkat jabatan / agensi.

**8. Adakah sektor R&D dan makmal ujian dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP ini?**

Perkhidmatan saintifik termasuk R & D adalah antara perkhidmatan professional yang tergolong di dalam “Senarai Perkhidmatan Perlu” (*Essential Services*). Sektor *R&D berkaitan COVID-19* dan makmal ujian COVID-19 dibenarkan beroperasi dengan hanya 60% kehadiran.

**9. Adakah TASKA MOSTI di Blok C4 dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP ini?**

TASKA MOSTI tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP.

**10. Adakah Kafeteria MOSTI di Blok C4 dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP ini?**

Kafeteria MOSTI tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP.

**11. Adakah Surau MOSTI di Blok C4 dibuka sepanjang tempoh PKP ini?**

Surau Ar-Raudhah As-Sakinah MOSTI di Blok C4 dibuka bagi solat Jumaat dan solat berjemaah dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (*SOP*) ketat yang ditetapkan sepanjang tempoh PKP. Bagi **solat Jumaat bilangan Jemaah yang dibenarkan adalah 40 orang sahaja manakala hanya 20 orang Jemaah dibenarkan untuk Solat Fardu berjemaah dengan mengambil kira penjarakan fizikal 1.5 meter**. Jawatankuasa Surau MOSTI bertanggungjawab untuk membuat pemantauan agar peraturan tersebut dipatuhi.

**12. Apakah aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan oleh pihak Kementerian?**

Institusi / jabatan / agensi / syarikat adalah tidak dibenarkan untuk menganjurkan sebarang aktiviti secara bersemuka termasuklah mesyuarat/ bengkel/ program/ majlis/ seminar dan kursus namun dibenar dilaksanakan secara maya.

**13. Adakah kakitangan MOSTI perlu membayar fi bagi ujian pengesanan COVID-19 sekiranya perlu menjalankan ujian tersebut?**

Fi bagi ujian pengesanan COVID-19 kepada penjawat awam yang menjalankan tugas rasmi di dalam dan ke luar negara diberi pengecualian berkuat kuasa 9 Oktober 2020 berdasarkan surat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertarikh 13 Oktober 2020. Pengecualian tersebut hanya terpakai bagi ujian pengesanan COVID-19 yang dibuat di **fasiliti KKM sahaja**. Penjawat awam perlu mengemukakan surat iringan/dokumen sokongan daripada Ketua Jabatan/penganjur mesyuarat yang menyatakan ujian pengesanan perlu diambil.

**14. Adakah tuntutan bayaran balik boleh dibuat sekiranya kakitangan MOSTI menjalani ujian pengesanan COVID-19 di fasiliti kesihatan swasta?**

Hanya penjawat awam yang menjalankan tugas rasmi dan diarahkan untuk menjalani ujian tersebut sahaja dibenarkan untuk membuat tuntutan bayaran balik berdasarkan surat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertarikh 29 Mac 2021. Kakitangan MOSTI hendaklah menanggung sendiri kos yang dikenakan sekiranya ujian tersebut dibuat di fasiliti kesihatan swasta. Sebarang tuntutan bayaran balik bagi kos ujian pengesanan COVID-19 yang dibuat di fasiliti kesihatan swasta hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan (MOF) untuk pertimbangan selanjutnya.

**15. Sekiranya kakitangan MOSTI memohon untuk menjalani ujian pengesanan COVID-19 atas permintaan sendiri, adakah sebarang cas dikenakan?**

Ujian pengesanan COVID-19 yang dibuat atas permintaan sendiri akan dikenakan caj sebagaimana caj yang dikenakan kepada orang awam.

**16. Adakah kakitangan MOSTI perlu membayar fi kuarantin sekiranya diarahkan untuk menjalani kuarantin wajib di stesen kuarantin?**

Fi kuarantin kepada penjawat awam yang menjalankan tugas rasmi sama ada balik dari luar/dalam negara **diberi pengecualian** berkuat kuasa 8 Januari 2021 berdasarkan surat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertarikh 8 Januari 2021.

**17. Adakah tuntutan bayaran balik boleh dibuat sekiranya kakitangan MOSTI diarahkan menjalani kuarantin wajib di stesen kuarantin?**

Kakitangan MOSTI hendaklah membayar terlebih dahulu fi tersebut dan tuntutan bayaran fi kuarantin boleh dibuat kepada kementerian melalui Bahagian Kewangan MOSTI tertakluk kepada had maksimum RM1,000 (bagi kuarantin 10 hari) dan had tuntutan bayaran balik sebanyak RM100 sehari seperti kadar di Institusi Latihan Awam (ILA) serta tempoh kuarantin yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

**18. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil dalam menjalankan operasi semasatempoh PKP ini?**

Institusi / agensi / jabatan / syarikat perlu mengikut standard operasi yang telah ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu:

- a) Majikan diminta untuk menjalankan saringan suhu dan gejala kesihatan bagi semua pekerja di pintu masuk dan tidak membenarkan pegawai yang menunjukkan gejala berkaitan COVID-19 untuk masuk ke pejabat;
- b) Pekerja yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C dan / atau menunjukkan gejala yang berkaitan hendaklah dirujuk ke klinik berdekatan dan diarahkan untuk menjalani tempoh kuarantin 10 hari di rumah masing-masing;
- c) Majikan juga perlu melaporkan kepada Pejabat Kesihatan berhampiran sekiranya 5% atau lebih pekerja tidak dapat hadir ke pejabat kerana demam dan / atau menunjukkan gejala berkaitan;
- d) Selain itu, proses pembasmian dan nyahkuman perlu dilaksanakan setiap hari; dan
- e) Amalan penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka dan penyediaan *hand sanitizer / disinfecting kits* di pintu masuk, ruang makmal / kerja dan semua kawasan umum perlu dilaksanakan.

**19. Apakah tanggungjawab institusi / jabatan / agensi / syarikat semasa berlakunya kecemasan?**

Institusi / jabatan / agensi / syarikat perlu menyediakan *Emergency Response Plan* (ERP) bagi pengendalian kecemasan selain menanggung sepenuhnya kos saringan dan perubatan bagi pekerja yang didapati positif dan kontak rapat di premis yang sama. Institusi / agensi / jabatan / syarikat juga perlu menanggung kos pembasmian dan nyah kuman di ruang makmal / kerja yang perlu dijalankan sebelum dan selepas operasi.

**20. Apakah tindakan awal yang perlu diambil sekiranya dikesan sebagai kontak rapat atau positif kes COVID-19 di tempat kerja?**

- a) Pegawai perlu memaklumkan kepada SUBK(P) melalui Setiausaha Bahagian/ Ketua Unit dengan kadar segera sebaik sahaja menerima keputusan ujian saringan COVID-19 atau dikesan sebagai kontak rapat;
- b) Maklumat terperinci pesakit COVID-19 atau kontak rapat termasuk kronologi jangkitan hendaklah disalurkan kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) MOSTI di Bahagian Pentadbiran oleh Setiausaha Bahagian yang berkaitan supaya tindakan selanjutnya dapat dilaksanakan berdasarkan SOP dalaman MOSTI;
- c) Pesakit COVID-19 atau kontak rapat yang dikenalpasti adalah diarahkan untuk menjalankan kuarantin diri di rumah dan menunggu arahan selanjutnya daripada pihak Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan pihak JKKP MOSTI bagi urusan ujian saringan serta lain-lain yang berkaitan; dan
- d) Urusan sanitasi dan disinfeksi ruang pejabat yang telah dikenalpasti mengikut kaedah seperti yang disyorkan oleh KKM akan diuruskan oleh JKKP MOSTI.

**Catatan:**

- 1) *Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kita sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik COVID-19 ini.*
- 2) *Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN, KKM dan JPA akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.*